

## **PENDEKATAN PEMBENTUKAN AKHLAK REMAJA MELALUI ASPEK TAKHALLI DI INSTITUSI PONDOK SELANGOR**

### **APPROACH OF YOUTH CHARACTER THROUGH TAKHALLI ASPECTS IN SELANGOR PONDOK INSTITUTION**

Nurzatil Ismah binti Azizan<sup>1</sup>, Nazneen Ismail<sup>2</sup>, Siti Mursyidah Mohd Zin<sup>3\*</sup>

<sup>1</sup> Pensyarah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), nurzatil@kuis.edu.my.

<sup>2</sup> Pensyarah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), nazneen@kuis.edu.my.

<sup>3</sup> Pensyarah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), sitimursyidah@kuis.edu.my.

\* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 1 Oktober 2022

| Selepas Pembetulan: 22 Nov 2022

| Diterima untuk terbit: 30 Nov 2022

#### **Abstrak**

Membentuk akhlak remaja pada masa kini memerlukan pendekatan yang pelbagai, antara pendekatan yang perlu digunakan ialah membentuk akhlak melalui aspek *Takhalli* iaitu proses mujahadah untuk menyingkirkan sifat terkeji dengan menyucikan diri daripada najis dan hadas, menyucikan diri daripada dosa zahir dan menyucikan diri daripada dosa batin termasuk juga membebaskan diri daripada sifat tercela. Kertas kerja ini bertujuan membincangkan pendekatan pembentukan akhlak aspek *Takhalli* di institusi pondok Selangor. Kajian ini menggunakan kajian kualitatif dengan instrumen temu bual serta dianalisis dengan pendekatan induktif. Hasil kajian mendapati pendekatan pembentukan akhlak aspek *Takhalli* yang diterapkan oleh pondok-pondok ialah pemantauan guru, *Tazkiyyah al-Nafs* dan menjaga pemakanan. Pendekatan ini wajar dijadikan panduan oleh institusi pengajian yang lain agar dapat memaksimumkan impak pendidikan akhlak kepada remaja agar tidak terlibat dengan unsur-unsur yang tidak sihat.

#### **Kata kunci**

Pembentukan akhlak, remaja, Takhalli, institusi pondok, Selangor.

#### **Abstract**

*Forming the morals of teenagers nowadays requires a variety of approaches, among the approaches that need to be used is forming morals through the Takhalli aspect which is the process of mujahadah to get rid of abominable traits by purifying oneself from najis and hadas, purifying oneself from outward sins and purifying oneself from inner sins including free oneself from reprehensible nature. This paper aims to discuss the approach to the formation of morals in the aspect of Takhalli in the Selangor pondok institution. This study uses a qualitative study with interview instruments and analyzed with an inductive approach. The results of the study found that the Takhalli aspects of character formation approaches applied by the lodges are teacher monitoring, Tazkiyyah al-Nafs and taking care of nutrition. This approach should be used as a guide by other educational institutions in order to maximize the impact of moral education on teenagers so that they do not get involved with unhealthy elements.*

**Keywords**

*Approach, youth, character, takhalli, pondok institution.*

**1.0 Pengenalan**

Pengajian pondok bermula dan berkembang daripada aktiviti pengajaran di masjid yang menjadi rumah Allah dan tempat pertemuan masyarakat Islam. Pelbagai aktiviti dan kegiatan keagamaan dilaksanakan di pondok bagi mendedahkan masyarakat tentang segala permasalahan dalam Islam seperti hukum hakam, akidah, dan masalah-masalah lain yang bersangkut paut dalam soal agama Islam (Mohd Roslan & Wan Mohd Tarmizi, 2011; Maziahtusima et al, 2019). Sistem ini diasaskan oleh para ulama dengan tujuan menyampaikan ilmu agama dan membentuk keperibadian muslim yang sempurna ('Ainin dan Farid, 2019; Maziahtusima et al, 2019). Sebelum kewujudan pondok, pengajian agama hanya berlaku di surau-surau atau rumah-rumah guru. (Zaihan Hairzialani et al, 2019).

Terdapat dua pendapat utama berkenaan sejarah asal usul sistem pengajian pondok di alam Melayu iaitu diasaskan dan berasal dari Sumatera manakala pandangan yang lain mengatakan ianya berasal dari Pattani. Namun kebanyakan sarjana bersetuju dengan mengaitkannya dengan daerah Pattani melalui beberapa sebab iaitu bahan rujukan, kitab dan kurikulum yang diterima pakai dalam sistem pondok kebanyakannya berasal dari daerah Pattani. Seterusnya, guru-guru pondok di kebanyakan wilayah alam Melayu dikesan telah mendapat latihan dari sistem pondok di Pattani. Selain itu, ia juga merujuk kepada kecenderungan dan amalan kebiasaan masyarakat Melayu yang menghantar anak-anak mereka ke Pattani (Mohd Zainodin et al, 2017).

Hasil daripada hubungan antara negara ini, pengajian pondok menjadi sistem pendidikan yang awal wujud di Tanah Melayu khususnya di Melaka pada 1450 Masihi sebelum dikembangkan ke negeri lain seperti Kelantan, Terengganu dan Kedah pada abad ke-19 (Muhd Fauzi, 1996; Mohd Mahadi & Noor Sufiza, 2014; Ramli, Khairi, dan Ishak, 2015; Zaihan Hairzialani et al, 2019). Buktinya, negeri-negeri ini telah banyak melahirkan golongan ulama di Tanah Melayu berbanding dengan negeri-negeri lain. Dianggarkan sekitar tahun 1850-1935 terdapat hampir 60 ulama di Kedah hasil daripada lepasan Mekah dan Madinah (Ahmad Yunus dan Quthrennada, 2017). Kepesatan ini juga dikaitkan dengan penterjemahan kitab Bahasa Arab ke dalam Bahasa Melayu menggunakan skrip Jawi (Mohd Mahadi dan Noor Sufiza, 2014). Di samping itu, pengajian di pondok dijalankan secara percuma dan tidak formal oleh pendakwah Islam yang kemudiannya berkembang ke tahap yang lebih tinggi dan formal serta mempunyai sistem yang sistematik (Zaihan Hairzialani et al, 2019).

Kajian Mohd Zainodin et al (2017) menyatakan orang yang bertanggungjawab memperkenalkan pengajian pondok adalah majlis-majlis muzakarah ialah raja Pasai iaitu Sultan Malik al-Zahir. Dalam abad kemudiannya, Samudera muncul sebagai pusat pendidikan Islam, terutama pada zaman kejayaan kerajaan Islam Aceh. Selepas kejatuhan kerajaan Aceh, Pattani muncul sebagai pusat pendidikan Islam terbesar di Nusantara. Kemajuannya yang begitu pesat telah memberi kesan yang besar kepada pertumbuhan dan perkembangan sistem pengajian pondok di Semenanjung Malaysia, terutama negeri Kelantan.

Secara keseluruhan, bentuk pengajian pondok adalah berasal dan dipengaruhi sistem pendidikan dari Mekah pada masa tersebut. Ia berikutan kaedah pengajian di pondok mempunyai persamaan dengan pengajian di Mekah dan ditambah pula guru-guru pengajian pondok telah mengunjungi Mekah bagi mendalami pengajian agama mereka (Ramli *et al.*, 2015). Dari segi sukatan pengajian, pondok lebih menekankan aspek pengajian agama seperti yang terdapat pada madrasah yang lain. Ia juga mementingkan sistem menghafaz hukum fiqh, nahu, al-Quran dan hadis Nabi yang merupakan perkara asas dalam agama Islam (Mohd Zainodin *et al.*, 2017).

Menariknya, institusi ini masih wujud dan diterima dalam masyarakat Nusantara khususnya di Semenanjung Malaysia, Indonesia dan Pattani, Thailand sehingga ke hari ini (Noornajihan *et al.*, 2018) walaupun pelbagai perubahan dari segi ekonomi, sosial, pendidikan dapat disaksikan. Elemen dasar tradisi pondok ialah pemimpin, pengajar atau pendidik, pelajar, pengajaran kitab-kitab klasik, pondok dan masjid. Pondok juga dapat diklasifikasikan kepada tiga bahagian berdasarkan jumlah pelajar. Bagi pondok yang mempunyai bilangan pelajar kurang daripada 1000 orang, ia dikelaskan sebagai pondok kecil, manakala pondok menengah pula mempunyai 1000 ke 2000 orang dan bagi pondok yang mempunyai jumlah lebih daripada 2000 orang dikategorikan sebagai pondok besar (Dadan Muttaqien, 1999).

Secara kesimpulan, pondok merupakan suatu institusi untuk menimba ilmu berkaitan keagamaan serta kehidupan yang dapat dilakukan dalam kehidupan seharian seseorang. Melalui institusi pengajian pondok, masyarakat dapat menambahkan ilmu pengetahuan dengan lebih luas dan mendalam agar menjadi manusia yang berilmu, berjaya dan cemerlang di dunia dan juga akhirat. Kewujudan institusi pondok pada hari ini merupakan hasil usaha para ulama dari generasi ke generasi bagi memastikan pembentukan anak bangsa yang mempunyai jati diri Islam terus terpelihara.

Kehebatan institusi pondok juga ialah melahirkan pelajar yang mempunyai akhlak yang baik malah diakui sebagai ulama yang berakhlak mulia. Ianya kesan daripada pengajian Islam yang menekankan akhlak, syariah dan adab dalam diri pelajar. Amalan-amalan kerohanian menjadikan pelajar pondok sebagai pelajar yang berakhlak mulia. Antara aspek pembentukan akhlak yang diamalkan dalam pengajian pondok ialah membentuk akhlak dalam aspek Takhalli.

## **2.0 Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif. Menurut Ghazali dan Sufean (2018) tujuan kajian kualitatif ini adalah untuk memberi kefahaman yang bermakna atau berfokuskan terhadap makna, takrifan, simbol, metafora, konsep dan menghuraikan sesuatu objek atau situasi. Selain itu, ia juga bertujuan untuk memberi makna setiap perolehan kajian mengenai cara manusia dalam memahami kehidupan dan pengalaman. Kaedah kajian ini adalah untuk menerokai dan memahami individu atau kumpulan yang terlibat dengan sesuatu masalah atau fenomena manusia dan masyarakat secara dalam konteks (Ahmad Munawar dan Mohd Nor Shahizan, 2015).

Melalui kajian kualitatif ini juga mampu membuat tanggapan yang tepat berdasarkan pandangan seseorang informan (Ghazali dan Sufean, 2018). Hal ini kerana, penyelidikan ini bersifat menyelidik sesuatu situasi yang realistik dari pelbagai

sudut perspektif melalui pentafsiran pengalaman. Kajian ini juga melibatkan kajian etnografi yang akan dilihat dan dikaji dalam kelompok atau kumpulan di zon negeri Selangor. Menurut Creswell (2005) menyatakan etnografi merupakan satu bentuk kajian yang praktikal dalam mengkaji sesuatu kelompok atau kumpulan tertentu. Melalui kajian berbentuk etnografi ini mampu membentuk maklumat kualitatif untuk digunakan sebagai penerangan dan interpretasikan sesuatu bentuk budaya yang dikongsi bersama dalam sesebuah kumpulan. Etnografi ini adalah sebuah kajian lapangan berbentuk pemerhatian yang sering digunakan dalam kajian sosiologi dan antropologi.

Populasi, sampel dan persampelan adalah suatu aspek penting dalam metode penyelidikan. Ianya melibatkan kajian yang akan menjadi bermakna dan dapatan daripadanya adalah benardan boleh dimanfaatkan jika populasi, sampel dan persampelan dilaksanakan mengikut tatacara yang betul (Ahmad Munawar dan Mohd Nor Shahizan, 2015). Populasi dan persampelan kajian ini dilihat dalam mendapatkan dan menuntukan siapa yang disoal selidik melalui temu bual dalam mendapatkan data berkaitan sesuatu kajian yang ingin dikaji.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan persampelan secara berkelompok. Kaedah ini digunakan oleh pengkaji apabila pemilihan subjek dibuat secara berkumpulan untuk dimasukkan ke dalam sampel lebih senang dilaksanakan daripada pemilihan subjek secara individu (Chua, 2011). Ini selalunya berlaku apabila pengkaji membuat kajian meliputi kawasan yang luas. Persampelan berkelompok ini mewakili dari zon Selangor yang melibatkan utara, selatan, timur dan tengah selatan.

Selain itu, teknik dalam persampelan kajian ini juga melibatkan teknik persampelan bertujuan yang memfokuskan kepada pengajian pondok turath. Melalui persampelan ini akan dilihat dalam konteks pembelajaran kitab turath dalam kalangan pelajar di pusat pondok atau sekolah. Persampelan ini digunakan dalam kajian jenis tindakan dan dalam kaedah ini penyelidik menentukan responden yang sesuai dengan tujuan kajian (Chua, 2011).

Instrumen adalah suatu alat ukur dalam mendapatkan data kajian dengan lebih bersistematik. Instrumen ini dilakukan dalam bentuk soalan temu bual dan telah memperoleh kesahan dan kebolehpercayaan oleh pakar dalam bidang selaras dengan kajian yang dijalankan. Kesahan dan kebolehpercayaan nilai Cohen Cappa berada pada nilai yang tinggi iaitu 0.81. Dapatan kajian dianalisis dengan induktif secara tematik.

### **3.0 Dapatan Kajian**

Aspek *takhalli* bermaksud proses *mujahadah* dalam menyingkirkan sifat terkeji dalam diri dengan cara menyucikan diri daripada najis dan hadas, menyucikan diri daripada dosa zahir dan menyucikan diri daripada dosa batin (Mohamad Muhaimin, 2017) serta membebaskan diri daripada sifat tercela (Supriyadi, 2019). Dalam ilmu tasawuf aspek Takhalli merupakan aspek paling awal untuk membentuk akhlak iaitu membebaskan diri daripada dosa terhadap Allah SWT dengan melakukan taubat nasuha (Haidar, 2021). Proses Takhalli merupakan cabang kepada proses bentuk Tazkiyyah al-Nafs dalam diri iaitu proses membuang sifat tercela (Takhalli) dan menghiasa diri dengan sifat terpuji (Tahalli) (Suhardi, 2018). Berdasarkan kajian ini, aspek takhalli boleh dibahagikan kepada beberapa aspek iaitu pemantauan guru, penyucian jiwa (*tazkiyat al-nafs*) dan penyucian daripada dosa zahir.

### 3.1 Pendekatan Pembentukan Akhlak Melalui Pemantauan Guru

Remaja merupakan golongan yang sangat memerlukan perhatian dan panduan daripada golongan dewasa. Bagi R5 sebagai seorang guru atau warden, soal penerapan akhlak tidak boleh dipandang remeh. Perlu ada nasihat dan pemantauan yang berterusan. Menurut beliau:

*Kita mengajar dan yang lain-lain tu kita nasihatkan la (03:20).*

*Peranan guru, peranan warden. Yang banyak masanya adalah warden kat asrama kan. Dan warden pun ramai yang guru turath dan guru Quran (03:39).*

Perkara ini diakui oleh P8, beliau menyatakan

*sebab cikgu-cikgu kitaorang, cikgu-cikgu turath ni kebanyakannya jadi warden asrama.*

Ini diakui sendiri oleh guru pondok D kerana menjadi tradisi pengajian turath untuk mencontohi para guru. Menurut R5,

*Dalam pengajian turath, pengaruh guru adalah besar.*

Nasihat yang disampaikan oleh guru juga diingati oleh pelajar serta mereka dapat merasai kebenarannya. Ini seperti yang diakui oleh P6,

*macam yang ustaz selalu cakap. Nanti, satu hari nanti kitaorang mesti akan rasa nikmat belajar turath ni. Bila saya dah rasa saya dapat nikmat tu saya dah macam saya rasa seronok belajar turath ni dan saya sayang turath ni. (24:26)*

Menurut P5 dan P8, guru-guru menunjukkan keprihatinan khususnya terhadap soal adab. Mendapat teguran daripada guru bukan perkara yang dianggap negatif tetapi diterima sebagai satu bentuk nasihat supaya menjadi lebih baik. Kata mereka,

*Selalu jugak kena tegur kitaorang. Mungkin kadang kitaorang ada yang certain kitaorang, certain adab-adab ni tak tahu lagi. Kena buat macam mana macam ni.*

*kitaorang selalu diingatkan kalau cikgu berucap kat depan tu jangan bercakap. kalau macam kitaorang kadang ada setengah cikgu tu bila cikgu tu berucap pastu dia nampak ada pelajar buat benda lain. dia akan tegur. Haa so dari situ mestilah cam pelajar-pelajar lain takut lah en. jadi, dapat lah apa ni yang*

*lain pun bila dah pernah buat mestilah  
diaorang. cikgu berucap. diaorang senyap,  
takde lah buat kerja lain. (56:10)*

Pendekatan ini juga diberikan tumpuan di pondok A. Menurut R1, pemantauan guru terhadap akhlak pelajar menjadikan guru bersifat proaktif dengan segera memberi nasihat dan motivasi kepada para pelajar sekiranya terdapat pelajar yang memberontak (21:10). Guru-guru juga sentiasa mengingatkan para pelajar untuk melazimi akhlak yang baik dan membetulkan kesalahan pelajar (31:37).

Nazneen et al (2021) menyebutkan berkenaan pandangan sarjana Islam terkemuka tentang elemen kualiti guru pendidikan Islam sebagai murabbi iaitu pelaksana kurikulum, fasilitator, motivator dan pembentuk sahsiah pelajar. Mereka mengutamakan nilai ikhlas dan adab seterusnya memupuk nilai tersebut dalam diri pelajar. Pendekatan psikologi dalam proses pendidikan, penerangan dan perbincangan tentang akhlak akan merangsang motivasi individu dan sosial pelajar sekali gus menunjukkan hasil yang positif dalam diri mereka. Guru tidak alpa daripada sentiasa memberikan nasihat dan peringatan kepada pelajar menggunakan pendekatan tersendiri. Kaedah yang paling berkesan adalah guru perlu mengenal pelajarnya dari segi latar belakang, sahsiah dan potensi terlebih dahulu sebelum memberi ilmu kepada mereka. Melalui pengetahuan asas ini, guru dapat membina sahsiah pelajar secara halus dan lemah lembut tanpa perlu kepada paksaan atau kekerasan seperti penggunaan rotan.

### 3.2 Pendekatan Pembentukan Akhlak Melalui Tazkiyah al-Nafs

Penyucian jiwa termasuk dalam amalan hati yang menentukan amalan zahir seseorang. Hati yang suci akan mendorong tindakan yang baik begitu juga sebaliknya jika hati itu kotor, maka ia tercermin melalui tindakan dan perkataannya. Untuk menyucikan hati, ia berkait rapat dengan amalan kerohanian bagi seseorang seperti zikir, qiamullail, solat berjamaah, puasa sunat, membaca dan menghafaz al-Quran serta wirid-wirid tertentu. Termasuk Tazkiyyah al-Nafs usaha gigih dan bersungguh-sungguh untuk membersihkan diri seseorang manusia dari sifat-sifat buruk dan keji (mazmumah) yang menjadi penghalang kepada penyuburan akhlak mulia (mahmudah) seseorang insan (Che Zarrina & Nor Azlinah, 2016)

Menurut R1, terdapat amalan harian yang diamalkan di kebanyakan pondok iaitu zikir khas (29:21). Pelajar juga dilatih untuk berpuasa sunat, namun tidak diwajibkan kerana memberi peluang kepada para pelajar untuk menggantikan puasa wajib terlebih dahulu bagi yang mempunyai puasa yang belum diganti.

Sebagai salah satu cara untuk menyucikan jiwa para pelajar supaya mudah menerima ilmu dan berakhlak mulia, pondok D juga memberi tumpuan khusus kepada aspek kerohanian seperti membaca dan menghafaz al-Quran, amalan selawat, puasa sunat, qiamullail dan wirid tertentu. Ini dinyatakan oleh R5:

*Rohaniah yang dilihat ketara adalah Quran  
sebab kena tekankan al-Quran. Pastu ada  
selawat-selawat (10:13).*

*Puasa sunat setiap hari khamis (10:19)*

*Qiamullail memang kita wajibkan pada pukul 4.30 dah bangun, kemudian mengaji dekat surau 10: 37*

*Mathurat ada amal, wirid syifa' (11:46).*

*Mathurat ada hari-harinya. Wirid syifa' ni dibaca hari-hari (12: 11).*

Kenyataan ini disokong oleh P6. Kata beliau,

*sebelum PKP kitaorang ada qiamullail. wajib untuk semua pelajar. Kalau dia. jumaat malam sabtu. Semua pelajar lelaki akan pergi ke surau, tidur kat surau. Perempuan tidur kat asrama masing-masing. Esoknya semua bangun dalam pukul 4/4.30 camtu. semua solat Jemaah. Yang perempuan pun akan datang. (43:50)*

*kami amalkan zikir dengan apa yang guru-guru dulu turunkan. senior turunkan, kami amal sampai sekarang. Jadi. (44:47)*

*Ma'thurat tu contohnya dulu dah jadi tradisi kitaorang memang kena baca Ma'thurat hari khamis. Pastu bila sebelum maghrib kitaorang akan baca wirid syifa'..wirid syifa', tu lah..sampai masuk maghrib. (45:02)*

Sebagaimana kelaziman sekolah berasrama, pondok D juga mewajibkan solat secara berjemaah kepada para pelajarannya. Para pelajar juga digalakkan untuk membaca al-Quran sebelum solat subuh di samping wajib berpuasa sunat setiap hari khamis. Ini diakui oleh P8,

*Solat berjemaah. (22:21)*

*Pastu ngaji situ (surau) sebelum subuh, ngaji semua..*

*Kalau hari khamis (kelas) sampai pukul 4 sebab hari Khamis wajib puasa sunat. Diwajibkan puasa. 36:10*

Selain itu, para pelajar juga diperuntukkan masa untuk mengulang hafazan al-Quran yang dinamakan sebagai *muraqabah*. Menurut P5,

*Muraqabah tu start lepas maghrib, dia kelas ulang Quran. Tak ulang Quran ataupun ni*

*untuk cari hafalan baru untuk hari esok  
tasmik. (42:11)*

Menurut R4, pelajar pondok C diwajibkan untuk bangun awal pagi serta solat subuh dan membaca al-Quran. Selepas itu, diwajibkan untuk berzikir serta membaca surah al-Kahfi selepas Maghrib, pengajian kitab jawi serta selawat beramai-ramai selama satu jam.

*yang tu kita masukkan dalam jadual asrama.  
Di asrama setiap pelajar diwajibkan untuk  
bangun masa sekian lepas tu mandi solat  
subuh kemudian baca Quran, lepastu  
wajibkan dia zikir dan baca Quran untuk  
banyak mana sebelum masuk kelas. Lepastu  
untuk dalam kelas ada juga, diwajibkan untuk  
baca surah al-Kahfi sebelum mulakan kelas.  
Lepas tu setiap minggu lepas kelas biasa, ia  
ad akelas kitab umum, kitab jawi selepas  
maghrib. Masa ni semua guru terlibat dan  
bergilir akan ajar selepas asar. Lepas tu  
pelajar lelaki dan perempuan akan buat  
kumpulan untuk selawat ramai-ramai dalam  
sejam. Maksudnya pelajar merasai semua.  
(01:08:50)*

Kenyataan ini disokong oleh P11 bahawa mereka mengamalkan solat sunat hajat setiap hari selepas Maghrib (39:39). P12 pula memaklumkan bahawa pelajar diwajibkan *qiamullail* setiap hari Sabtu dan Ahad (40:40), di samping membaca *ma'thurat* selepas Asar secara berjemaah (41:08)

*antaranya solat sunat hajat. Kami akan  
diwajibkan untuk solat sunat hajat selepas  
solat Maghrib setiap hari 39:39*

Penekanan terhadap bacaan al-Quran juga diakui oleh R2. Beliau menjelaskan aktiviti yang dijalankan di pondok B ialah pembacaan satu juzuk sehari. Maksudnya selepas subuh setengah juzuk dan selepas Maghrib setengah juzuk setiap hari. (47:48). Kenyataan ini disokong oleh P4,

*program harian di sekolah turath penuh  
sebab daripada pagi kami bangun solat  
subuh, kemudian setiap lepas subuh kami  
kene baca setengah juzuk Al-Quran. (34:53)*

R2 menjelaskan lagi cara yang dilakukan dimana seorang *muqri* akan baca di hadapan dan diikuti oleh pelajar-pelajar yang lain. Kaedah tersebut juga dia mengajar pelajar bagaimana nak membaca al-quran dan melancarkan bacaan mereka.

Selain itu P4 menjelaskan pada setiap hari Khamis malam Jumaat pelajar akan membaca surah al-Kahfi dan juga zikir *Kanzu al-Saadah*. Ini juga merupakan rutin mingguan. Manakala selepas solat Asar petang Jumaat pelajar akan membaca al-Mathurat dan surah al-Kahfi. Pada sebelah paginya, bacaan *burdah* dilakukan (47:10).

Kepentingan Tazkiyyah al-Nafs dalam diri manusia sehingga ianya dijadikan terapi spiritual oleh Syeikh Abdul Qadir Al-Mandili Dalam Kitab Penawar Bagi Hati. Kajian Che Zarrina Sa'ari dan Nor Azlinah Zaini (2016) menyatakan bahawa Syeikh Abdul Qadir Al-Mandili meletakkan empat peringkat Tazkiyyah al-Nafs iaitu Kawalan Anatomi Jasmani Manusia, Penyingkiran Elemen Negatif, Penerapan dan Pemantapan Sifat Positif, Penstabilan dan Penyerahan Diri.

### 3.3 Pendekatan Pembentukan Akhlak Melalui Menjaga Pemakanan

Berhubung soal makanan, para guru di pondok D melarang para pelajar daripada memakan mee segera. Menurut P5 perkara ini menyebabkan para pelajar sukar untuk bangun pagi kerana menjadi tabiat para pelajar suka makan mee segera lewat malam. Katanya,

*Memang meggi pun memang dilarang kat sekolah tu. Pastu, err biasa. Ada lagi, biasa makanan segera lah. Makan yang segera contoh macam kalau keropok-keropok jajan-jajan tu tak da pun ustaz kisah. Dia biasanya ustaz tekan kan meggi lah sebab kebanyakan budak. Kalau dia nak makan meggi, dia biasa makan tengah malam. So bila makan tengah malam tu dia jadi macam budak pun tidur lambat. Jadi, macam ni lah susah nak bangun untuk esoknya. (52:24)*

Larangan ini bukan sahaja datang daripada pihak sekolah, tetapi turut dikuatkan oleh ibu dan ayah. Menurut P5,

*biasanya. mak ayah lah. Mak ayah tekankan, jangan makan (meggi). (53:26)*

Di samping itu, P4 menyatakan bahawa pondok D menyediakan makanan yang boleh merangsang otak seperti kurma, madu dan kismis setiap pagi. Menurut beliau,

*Ada. macam setiap pagi mesti DM, dewan makan akan sediakan kurma, madu, kismis. (53:50)*

Khasiat makanan sunnah juga diakui oleh P1 kerana beliau menjelaskan makanan sunnah amat disarankan oleh pihak pondok tetapi pondok A tidak menyediakannya bagi para pelajar. (50:43)

Larangan memakan mee segera juga dilihat konsisten di pondok B apabila R2 menjelaskan makanan ringan seperti maggi tidak dibenarkan bukan hanya kepada para pelajar malahan kepada para guru juga (55:38). Ini dipersetujui oleh P2 yang menegaskan bahawa makanan tidak berkahasiat seperti maggi amat dilarang keras, malah ia juga tidak diamalkan oleh pelajar walau di luar kawasan sekolah.

Menjaga pemakanan amat penting dalam membentuk aspek kerohanian, kepentingannya dijelaskan dalam al-Quran ketika pemuda Ashab al-Kahfi keluar daripada gua dan ingin mendapatkan makanan. Makanan yang dicari ialah makanan yang disediakan oleh penduduk yang paling baik dan halal. Ia menunjukkan bahawa pola pemakanan memberi kesan kepada kekuatan fizikal dan spiritual pemuda Ashab al-Kahfi (Siti Norlina, 2017).

#### **4.0 Kesimpulan**

Sistem pendidikan perlu mengaplikasikan penerapan akhlak melalui kaedah takhalli sebagai usaha untuk meninggalkan sifat-sifat terkeji dan memupuk sifat terpuji. Pendekatan yang diamalkan di pondok harus diikuti oleh institusi pengajian lain iaitu pemantauan yang berterusan daripada guru termasuk menunjukkan akhlak yang baik kepada pelajar sebagai qudwah hasanah. Aspek Tazkiyyah al-Nafs juga penting dalam melatih pelajar supaya dapat berterusan melakukan amalan-amalan mulia dan ibadah secara berterusan. Manakala aspek yang juga penting ialah menjaga pemakanan kerana pemakanan akan membentuk jiwa seseorang. Ketiga-tiga aspek ini wajar dijadikan panduan dalam membentuk akhlak remaja pada masa kini.

#### **5.0 Penghargaan**

Geran penyelidikan Insentif Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS/2019/GPIK-05/GPI/03).

#### **6.0 Rujukan**

- 'Ainin Sofiya Adrus & Farid Mat Zain. (2019). Sejarah penubuhan dan sistem pengajian di Madrasah Al-Ulumad-Dinia Al-Usmaniah. *At-Tahkim*, 9(26), 1-12
- Ahmad Yunus Mohd Noor & Qutrennada Rosli. (2017). Perkembangan metodologi pengajaran dan pembelajaran hadith di negeri Kedah. *Journal of Hadith Studies* 2(2), 1-13.
- Ahmad Munawar, I., & Mohd Nor Shahizan, A. (2015). Kaedah Penyelidikan Sosial daripada Perspektif Islam. Bangi: Penerbit UKM.
- Che Zarrina Sa'ari, Nor Azlinah Zaini (2016). Terapi Spiritual Melalui Kaedah Tazkiyah Al-Nafs Oleh Syeikh Abdul Qadir Al-Mandili Dalam Kitab Penawar Bagi Hati. *Afkar* Vol. 18 Special Issue (2016): 35-72
- Chua (2011). Kaedah Penyelidikan. Selangor: McGraw Hill.

- Creswell, J. W. (2005). *Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research* (Edisi ke-2). Singapore: Pearson.
- Dadan Muttaqien. (1999). Sistem pendidikan pondok pasantren (Sebuah alternatif mengatai kegagalan sistem pendidikan Barat). *JPI FIAI Jurusan Tarbiah*, V (IV), 79-87.
- Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin. 2016. *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Haidar et al. (2021). Takhalli, Tahalli dan Tajalli. PANDAWA : *Jurnal Pendidikan dan Dakwah* Volume 3, Nomor 3, September 2021; 348-365
- Mohamad Muhaimin Mohamad Zaki. (2017). Analisis Pengaplikasian Amalan Qalbu Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran. *Jurnal 'Ulwan* 1 (2017):19-42
- Mohd Mahadi Mydin & Noor Sufiza Ahmad. (2014). The system of Islamic Studies at madrasah (Sekolah pondok). *Journal of Mechanical Manufacturing*, (1).
- Mohd Roslan Mohd Nor dan Wan Mohd Tarmizi Wan Othman. (2011). Sejarah dan perkembangan Pendidikan Islam di Malaysia. *Jurnal At-Ta'dib*. Vol. 6, No. 1.
- Mohd Zainodin Mustaffa, Emie Sylviana Mohd Zahid, Mahasin Saja@Mearaj, and Mohd Asyadi Redzuan, Mohamad Zaki Razaly (2017). Sejarah pengajian pondok dan tokoh ulama: Kajian di daerah Besut, Terengganu Darul Iman. *In: 2nd International Islamic Heritage Conference (ISHEC)*,14-15.
- Muhd Fauzi Muhamad. (1996). Pondok Educational System in Malaysia-Its Effectiveness and Limitations. Research Funded By The Intensification Of Research In Priority Areas, 07-02-04-0035.
- Nazneen Ismail, Nurzatil Ismah Azizan dan Siti Mursyidah Mohd Zin (2021). Peranan Guru Pengajian Turath Dalam Pembentukan Sahsiah Pelajar di Pondok. *Al-Hikmah* 13(1) 2021: 43-71
- Noornajihan Jaafar, Zulkiple Abd Ghani<sup>2</sup>; Siti Rugayah Hj Tibek et al. (2017). Cabaran institusi pendidikan pondok serta impak terhadap pembentukan diri pelajar. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 2 (6), 223-235.
- Ramli Saadon, Khairi Ariffin & Ishak Saat. (2015). Perkembangan pendidikan orang Melayu di Malaya sebelum kemunculan *western-type-education*. *Jurnal Perspektif* 8 (2), 79-96.
- Mohd. Suhardi Mat Jusoh, Rashidi Abbas, Wan Suraya Wan Nik, Nurul Ainsale (2018). Pembangunan Kecerdasan Spiritualpelajarberasaskan Model Tazkiyah Al-Nafsal-Ghazali di universiti Malaysia Pahang (Ump). *International Journal Of Humanities Technology And Civilization (Ijhtc)* 74-91
- Mohamad Muhaimin Mohamad Zaki (2017) Analisis Pengaplikasian Amalan Qalbu Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran. *Jurnal 'Ulwan*. Jilid 1 2017 : 19-42
- Siti Norlina Farahwahida Mohd Yusof, Ahmad Ziyaadi Al-Hatim Bin Mahpuz, Hanisah Binti Abdul Rahman Asma Nurul 'Aqilah Binti Mahpuz (2017). Pola Pemakanan

Dan Kesannya Terhadap Gaya Hidup Dan Pemikiran Individu: Analisis Terhadap Surah Al-Kahfi. *Ulum Islamiyyah Journal* Vol.26 Special Issue 2019

Supriyadi & Miftahul Jannah (2019). Pendidikan karakter dalam tasawuf modern Hamka dan tasawuf transformatif kontemporer. *Halaqa: Islamic Education Journal* 3(2), 91-95.

Zaihan Hairuzialani Mat Jusoh, Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid, Zaharah Hussin, Yuszaimi Muslil, Mohammad Shihabuddin Nor Rodin (2019). Evolusi sejarah perkembangan pendidikan Islam di negeri Selangor dari abad ke-18 sehingga 1940-an. *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 76-90.